

CUEPACS mohon panjangkan semula tempoh bayar hutang

Langkah BNM beri impak pendapatan boleh guna rakyat

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) memohon Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM) supaya memanjangkan semula had tempoh pembayaran balik pinjaman termasuk pembiayaan peribadi

daripada 10 ke 20 tahun.

Presidennya, Adnan Mat, berkata pada 2013 lalu, BNM mengeluarkan pekeliling bagi memendekkan tempoh pembiayaan peribadi daripada 25 kepada 10 tahun dan pinjaman perumahan daripada 45 kepada 35 tahun menyebabkan jumlah bayaran bulanan menjadi lebih besar, sekali gus mengurangkan jumlah pendapatan boleh guna.

Katanya, langkah BNM itu memberi impak kepada pendapatan boleh guna rakyat yang mahu melakukan pinjaman apatah lagi keadaan harga rumah yang meningkat begitu drastik ketika itu.

Sehubungan itu beliau berkata, CUEPACS berpandangan

langkah memanjangkan semula tempoh pembiayaan wajar dilaksanakan semula ketika rakyat sedang terkesan penularan pandemik COVID-19 kerana jumlah bayaran balik pinjaman akan menjadi lebih rendah.

“Bayaran semula pinjaman yang rendah ini membolehkan rakyat mempunyai lebih banyak pendapatan boleh guna untuk dibelanjakan,” katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Adnan berkata, mereka yang mahu melakukan pinjaman perumahan atau pinjaman peribadi untuk berniaga juga tidak perlu bimbang kerana bayaran bulanan pinjaman itu akan menjadi lebih rendah sekiranya had tempoh pembia-

yaan dipanjangkan.

Katanya, rakyat yang terjejas pendapatan juga boleh membuat penstrukturan semula tempoh dan bayaran bulanan kepada jumlah yang lebih anjal.

“Penstrukturan semula pinjaman ini boleh mengelakkan berlaku masalah bankrap atau mufli dalam kalangan peminjam.

“Secara keseluruhan, langkah ini dijangka dapat merancakkan semula ekonomi kerana pendapatan boleh guna rakyat lebih bertambah serta mengurangkan tekanan hidup.

“Pada masa sama, operasi perniagaan koperasi kredit dan institusi kewangan yang dikawal selia oleh BNM dapat berkembang semula,” katanya.